

**Media item****Full Text**

---

**Kerjasama rakyat dan pemimpin bantu perkasa penyampaian maklumat**

Utusan Borneo Sabah, Malaysia by No author available  
General News - Page 0 - 210 words - ID my0045997316 - Photo: No -  
Type: - Size: 231.00cm<sup>2</sup>

15 Nov 2021

**Kerjasama rakyat dan pemimpin bantu perkasa penyampaian maklumat PITAS:**  
Kerjasama Pejabat Penerangan Daerah (PPD) dan pemimpin masyarakat mampu memperkasakan penyampaian maklumat kepada rakyat. Pembantu Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Datuk Seri Ruddy Awah berkata, ke arah menjayakan kerjasama itu pihaknya bersedia untuk membantu dalam menyediakan peralatan untuk hebahan. Pihaknya juga akan membantu menyediakan peralatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh PPD seperti pembesar suara."Ini kerana umum mengetahui hebahan adalah platform penting bagi penyampaian maklumat yang tepat dan sahih kepada rakyat khususnya di kawasan pedalaman."Kawasan Pitas ini luas dan didiami puluhan ribu penduduk. Malah, sesetengah kawasan hanya boleh sampai menggunakan kenderaan pacuan empat roda, jadi mereka sukar mendapatkan maklumat," katanya ketika berucap sempena Program Sembang Santai dan Ramah Mesra di sini.Beliau berkata, dengan lawatan sebegini, Jabatan Penerangan Negeri Sabah (JAPEN) dapat melihat kelengkapan yang diperlukan bagi melancarkan hebahan BINCANG: Ruddy (dua dari kanan) berbincang dengan para pegawai kanan JAPEN Sabah. ke kawasan-kawasan pedalaman. Sehubungan itu, pihaknya akan memberi bantuan agar maklumat sampai kepada semua penduduk daerah ini. Turut hadir, Pengarah Penerangan Sabah Nadzerah Andullah; Ketua Penolong Pengarah (KPP) Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat Azman Sipan; KPP Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Zulhanin Hasni; dan KPP Media dan Komunikasi Korporat Peter Tong Ah Pin. UCAPAN: Ruddy ketika menyampaikan ucapan pada program itu.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of iSentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. iSentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.